

## DRAF SIARAN MEDIA

### JABATAN PERIKANAN BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN NELAYAN SEHINGGA RM5,000 SEBULAN MELALUI AKUAKULTUR

**Gelang Patah, 22 April :** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Perikanan komited dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup nelayan melalui aktiviti ternakan ikan akuakultur yang juga menyumbang kepada kecukupan bekalan makanan negara.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, bincian pendapatan nelayan mendapati purata pendapatan sebenar nelayan adalah sekitar RM1,500 sebulan. Justeru itu, Kerajaan telah mensasarkan menjelang tahun 2020 purata pendapatan nelayan adalah sebanyak RM 2,500 – RM 5,000 sebulan. Salah satu strategi Kerajaan adalah melalui **Program Mempelbagai Dan Menambah Pendapatan Nelayan Melalui Aktiviti Akuakultur.**

Ia dilihat dapat membantu para nelayan tradisi menangani ketidakstabilan punca pendapatan terutamanya semasa musim tengkujuh dan juga kesan daripada aktiviti pembangunan yang pesat seperti di Johor Bahru ini, yang mana ia menjadi kekangan kepada nelayan untuk menjalankan aktiviti penangkapan ikan di laut, ujar beliau.

Tambahnya lagi, industri akuakultur merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan pengeluaran ikan pada masa hadapan memandangkan perikanan tangkapan pada umumnya telah diterokai ke tahap

maksimum. Jaminan bekalan ikan makanan akan terus menjadi cabaran yang besar di masa depan akibat kesan daripada perubahan iklim, faktor kepesatan pembangunan, kenaikan harga input, dan liberalisasi perdagangan. Kesinambungan bekalan ikan yang mencukupi bergantung kepada daya maju perusahaan ini untuk menjamin pendapatan kepada nelayan dan penternak ikan.

Shabery berkata, usaha ini merupakan intervasi Kerajaan untuk menangani cabaran tersebut melalui pelaksanaan projek akuakultur mengikut kategori sistem ternakan iaitu kluster sangkar ikan laut dan kluster kupang/kerang secara berkelompok/komuniti. Konsep pelaksanaan adalah secara NBOS bersama Kerajaan Negeri, Jabatan Perikanan, Persatuan Nelayan Kawasan dan Syarikat Peneraju. Kerajaan akan berusaha membimbing dan membantu nelayan menjalankan operasi ternakan ikan melalui bantuan input dan khidmat nasihat teknikal, ujar beliau kepada media selepas melakukan lawatan kerja di Projek Ternakan Ikan Sangkar Koperasi Pemodal Nusajaya Johor Berhad di sini hari ini.

Turut hadir sama, Dato' Nur Jazlan Mohamed, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Datuk Ismail Abu Hassan, Ketua Pengarah Perikanan

Jelas Shabery lagi, Kerajaan Persekutuan mensasarkan sebanyak 2,400 tan metrik ikan dengan nilai RM12 juta setahun hasil dari program ini di seluruh Malaysia termasuk negeri Johor yang mampu mengeluarkan sebanyak 100 tan metrik kupang dan kerang di Pontian dan Gelang Patah.

*"Jabatan Perikanan Malaysia akan memberikan khidmat nasihat dan bimbingan teknikal kepada peserta-peserta ini dalam menjayakan projek ternakan mereka supaya hasil yang diperolehi mampu untuk menjana ekonomi nelayan tersebut' ujar Shabery lagi.*

####